

DRAMA ADAPTASI KOREA: SUATU ANALISIS TERHADAP PEMAPARAN ISLAM DALAM DRAMA *MY COFFEE PRINCE*

(Korean Adaptation Drama: An Analysis of Islamic Potrayal in My Coffee Prince Drama)

Nazra Aliff Nazri & Abdul Latiff Ahmad

ABSTRAK

Pada masa kini, antara corak dalam penghasilan drama tempatan adalah merupakan drama adaptasi yang diambil daripada negara luar. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana pemaparan Agama Islam diketengahkan dalam drama adaptasi daripada Korea Selatan. Dari situ, pengkaji akan dapat mengetahui jika terdapatnya tembusan dan silang budaya yang berlaku di dalam drama adaptasi tersebut. Rentetan itu, kaedah yang digunakan untuk kajian ini adalah menerusi pendekatan kualitatif analisis tekstual ke atas drama *My Coffee Prince* yang diadaptasi daripada siri popular Korea *The 1st Shop of Coffee Prince*. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun drama ini merupakan sebuah drama adaptasi namun elemen kepada agama serta ajaran Islam itu masih ditonjolkan dan dipertontonkan kepada masyarakat dengan jelas dan tepat.

Kata kunci: Drama, Adaptasi, Budaya, Agama, Islam

ABSTRACT

Nowadays, adaptation drama that taken from abroad is currently one of the trends in the production of local drama. Therefore, this study aims to see how the portrayal of Islam is reflected in the adaptation drama from South Korea. From there, the researcher will be able to determine whether if there is any cross cultural presence in the adaptation drama. In addition, the method used for this study was through a qualitative approach using textual analysis of the drama *My Coffee Prince* that was adapted from the popular Korean series *The 1st Shop of Coffee Prince*. The results show that although this drama is an adaptation drama but the elements of Islam are still prominently and clearly displayed to the public.

Keywords: Drama, Adaptation, Culture, Religion, Islam

PENGENALAN

Agama dan budaya adalah suatu perkara yang berkait rapat dengan masyarakat dan tidak boleh dipisahkan. Menurut Laode (2014) fenomena kehidupan bermasyarakat juga boleh dilihat dari aspek agama dan budaya yang memiliki perkaitan erat serta saling mempengaruhi antara satu sama lain. Justeru itu, boleh diertikan bahawa agama adalah sebahagian daripada aspek dalam elemen kebudayaan yang mencerminkan keadaan realiti sosial masyarakat. Ini juga sejajar dengan pernyataan Kloskowska (1996) yang menyatakan bahawa agama merupakan salah satu daripada elemen kebudayaan kebangsaan.

Seterusnya, dengan kemajuan teknologi yang canggih pada masa kini sememangnya telah mendorong sesebuah budaya untuk tersebar dengan lebih meluas ke serata dunia. Hal ini secara tidak langsung seiring dengan pernyataan Sun et al. (2018), dimana perkembangan teknologi kini sememangnya bergerak dengan pantas dan sukar dijangkakan oleh masyarakat. Disebabkan itu, ianya dilihat mampu memberikan sedikit sebanyak kesan terhadap kehidupan bermasyarakat (Emily Draco 2015).

Selain itu, kepesatan perkembangan teknologi moden ini juga dilihat mampu memberikan kesan yang amat besar seterusnya mengubah landskap kehidupan manusia tanpa mengira tahap serta peringkat usia (Naquiah Nahar et al. 2018). Di samping itu, menurut Mu Tien et al. (2018) pula, penggunaan teknologi dilihat mempunyai peranannya yang tersendiri dalam mempengaruhi perkembangan budaya sesebuah kelompok masyarakat di sesebuah tempat.

Hal ini dapat dikaitkan dengan lambakan rancangan luar serta program tempatan juga dilihat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan identiti dan jati diri masyarakat pada masa kini. Menurut Wawarah Saidpudin (2017), peranan media massa terutama televisyen sememangnya penting dalam membentuk masyarakat yang berakhlak mulia dan bermoral. Hal ini kerana, televisyen dewasa ini bukan sahaja dijadikan medium untuk menyebarkan maklumat, malah ianya juga antara medium yang berperanan sebagai agen mendidik serta merupakan komponen penting yang boleh memberi kesan mendalam kepada manusia (Md. Rozalafri & Megat Al-Imran 2014).

Oleh itu, pemaparan agama melalui saluran media seperti drama dan televisyen ini dilihat amat penting kepada masyarakat bagi memupuk perpaduan serta kefahaman lebih erat antara pelbagai kelompok masyarakat di Malaysia terutamanya. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji ingin mengetahui apakah pemaparan kebudayaan dari sudut Agama Islam yang dipaparkan menerusi drama adaptasi Korea '*My Coffee Prince*'. Selain itu, pengkaji juga berminat untuk mengetahui bagaimanakah bentuk pemaparan terhadap elemen keislaman ini ditonjolkan kepada khalayak umum melalui drama ini.

TELEVISYEN DAN DRAMA DI MALAYSIA

Menurut Liza Diniarizky Putri (2017), televisyen adalah produk teknologi yang mampu menghasilkan visual dan bunyi, serta berpotensi tinggi mendapatkan perhatian dari rata-rata masyarakat pada masa kini. Menerusi televisyen, masyarakat akan lebih mengetahui tentang dunia dan budaya luar di samping mampu untuk mempermudah hubungan di antara individu yang datang daripada persekitaran dan budaya yang pelbagai. Tambahan lagi, pada masa kini, televisyen juga merupakan sebuah medium komunikasi yang paling popular dan mendapat sambutan di seluruh dunia (Pandyen 2013).

Selain itu, revolusi informasi dan komunikasi yang semakin canggih ini juga dilihat mampu untuk menembusi segala dimensi ruang dan masa bagi memudahkan penyampaian sesebuah teks mahupun mesej. Tambahan, Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail (2009) turut menyatakan bahawa hampir 100 peratus rumah di Malaysia memiliki televisyen selaku medium memperoleh maklumat yang penting dan popular sama ada diperolehi secara berbayar ataupun percuma. Oleh yang demikian, televisyen ini memainkan fungsi yang amat besar dalam mempengaruhi corak pemikiran dan gaya hidup terhadap masyarakat di Malaysia.

Antara program televisyen yang mendapat tempat di hati masyarakat adalah program berbentuk drama. Drama diminati ramai kerana kandungannya bukan sahaja membawa penonton untuk menyelami kehidupan yang ingin dipaparkan seperti unsur-unsur percintaan, krisis dan pergolakan dalam keluarga, malah mampu menerap nilai-nilai murni serta memberi

kesan yang baik kepada masyarakat yang menontonnya (Faizul Nizar Anuar & Nor Azura Adzharuddin 2013). Selain itu, drama pada masa kini juga dilihat sebagai medium hiburan yang paling popular bagi semua lapisan usia masyarakat (Hassan Abu Bakar et al. 2014).

Justeru itu, antara drama yang menarik minat dan perhatian masyarakat Malaysia adalah drama-drama daripada Korea Selatan disebabkan oleh jalan cerita dan juga kedekatan budaya yang dimiliki Malaysia dan juga Korea Selatan (Julina et al. 2018). Oleh itu, ini membuktikan bahawa minat mendalam yang dipamerkan oleh rakyat Malaysia telah membawa kepada pelbagai rancangan dan drama Korea yang diadaptasi dalam konteks tempatan.

Selain itu, Dusuki (2011) juga berpendapat bahawa filem dan drama merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan dalam diri setiap individu. Tambahan lagi, penghasilan produk filem dan TV yang baik serta penerapan nilai-nilai Islam di dalamnya mampu menarik minat dan memberi kesan yang positif kepada penonton. Disebabkan itu pemaparan nilai Islam ini dianggap penting di samping memberikan pengajaran dan juga kebaikan kepada masyarakat.

SINOPSIS DRAMA *MY COFFEE PRINCE*

Rajah 1: Poster drama adaptasi Korea *My Coffee Prince*



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)

My Coffee Prince ialah sebuah drama televisyen Malaysia 2017 yang diadaptasi daripada drama popular Korea Selatan iaitu *The 1st Shop of Coffee Prince* lakonan Yoon Eun Hye dan Gong Yoo pada tahun 2007. Selain itu, drama adaptasi Korea ini juga telah diarahkan oleh pengarah tersohor tanah air iaitu Michael Ang dan diterbitkan oleh Juita Viden Sdn Bhd.

Drama *My Coffee Prince* ini telah dibintangi oleh pelakon popular tempatan seperti Fattah Amin dan Janna Nick sebagai teraju utama serta telah disiarkan serentak menerusi Slot Mega Drama di Astro Ria dan Astro Ria HD pada 27 November 2017 dengan 28 bilangan episod. Malaysia juga merupakan negara ASEAN keempat yang mendapat hak eksklusif untuk menerbitkan semula drama ini selepas Thailand, Filipina dan China.

Drama ini mengisahkan Dani, seorang gadis yang sering disalah anggap sebagai seorang lelaki. Menerusi drama ini, Dani dipaparkan sebagai seorang yang bekerja keras untuk menampung kehidupan bersama ibunya, Zahara dan adiknya perempuannya, Ira yang masih belajar di universiti. Dalam pada itu, Raikal yang baru sahaja pulang dari luar negara pula telah dipaksa berkahwin oleh nendanya, Puan Seri Kalthom. Disebabkan perkara ini, Raikal yang cuba mengelak dari berkahwin telah mengupah Dani untuk memperdayakan semua calon pilihan nendanya.

Sementara itu, Puan Seri Kalthom yang telah melabur dalam kafe kopi Encik Syukri telah menjadikan Raikal sebagai pengurus bersama kafe tersebut. Rentatan itu, Raikal yang

tidak mengetahui Dani sebenarnya seorang wanita telah menawarkan pekerjaan kepadanya di kafe tersebut yang hanya dikhususkan untuk pekerja lelaki.

Hari demi hari berlalu, identiti sebenar Dani sebagai seorang wanita akhirnya terbongkar dan akibat daripada penyamaran itu, hubungan Dani dan Raikal teruk terjejas. Bagaimanapun, Raikal cuba untuk memahami situasi yang memaksa Dani untuk berkelakuan sedemikian dan akhirnya memaafkan Dani atas kesilapannya itu.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis tekstual di mana kaedah ini dianggap sebagai metodologi kesarjanaan dalam bidang kemanusiaan. Menurut Joubish et al. (2011), teks dikaji berdasarkan pengkaryanya, kesahihannya serta pemaknaannya. Justeru itu, penyelidik akan mencari pengertian dan mengintepretasikan maksud teks tersebut bagi memahami pembinaan sosial yang terbentuk. Selain itu, Struppert (2006) juga menyatakan bahawa analisis tekstual dilihat amat berguna kerana ia lebih mendalam dan memberi peluang kepada pengkaji untuk mendalami maksud yang terkandung di dalam sesebuah teks media tersebut.

Seterusnya, menurut Kloskowska (1996) asas kepada budaya kebangsaan sesebuah negara terbahagi kepada tujuh iaitu bahasa, sastera, kesenian, agama, adat, simbol dan juga tradisi. Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya akan menfokuskan kepada elemen pemaparan Agama Islam sahaja. Hal ini kerana, agama merupakan suatu aspek kehidupan penduduk Malaysia yang sangat sensitif untuk dijaga (Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam 2017). Sampel kajian pula adalah drama *My Coffee Prince* yang disiarkan pada tahun 2017. Drama ini telah dipilih kerana ia merupakan sebuah drama adaptasi Korea yang pernah menjadi fenomena di Malaysia suatu ketika dahulu.

Selain itu, pemilihan drama adaptasi televisyen sebagai sampel kepada kajian ini juga disebabkan oleh secara amnya televisyen merupakan sumber media utama bagi golongan belia di Malaysia. Tambahan lagi, program drama bersiri juga adalah rancangan yang paling digemari oleh masyarakat di Malaysia terutama sekali golongan belia remaja (Haryati 2014). Disebabkan itu, televisyen dan juga drama bersiri ini dilihat memberikan sedikit sebanyak impak terhadap penayangannya kepada khalayak.

ANALISIS KAJIAN

Setelah meneliti kesemua 28 episod terhadap Drama *My Coffee Prince*, pengkaji mendapati bahawa drama adaptasi Korea ini sememangnya menekankan ciri-ciri dan elemen keislaman yang tinggi. Walaupun drama ini pada asalnya merupakan karya adaptasi daripada Korea Selatan namun hasil penelitian pengkaji mendapati bahawa tiada langsung pemaparan kepada elemen kebudayaan dan keagamaan lain selain daripada Islam di dalam drama ini.

Tambahan lagi, watak kepada pelakon pembantu yang berbangsa Cina di dalam drama ini juga menggunakan banyak sentimen keislaman walaupun karakter tersebut bukanlah digambarkan sebagai seorang muslim. Selain itu, semasa drama ini ditayangkan pengarahnya iaitu Michael Ang juga bukanlah seorang penganut bagi Agama Islam, namun sebaliknya beliau mampu memberikan persembahan pemaparan yang tepat mengenai Islam serta boleh dijadikan contoh teladan kepada masyarakat dan khalayak umum.

Seterusnya di dalam ruangan analisis kajian ini juga, pengkaji telah membahagikan hasil dapatan kajian kepada dua bahagian iaitu pemaparan elemen Agama Islam secara lisan

dan juga secara visual bagi mempamerkan gambaran secara keseluruhan yang lebih jelas berkaitan pemaparan Islam di dalam drama adaptasi ini.

Pemaparan Elemen Agama Islam Secara Lisan (Verbal)

Pemaparan elemen kebudayaan iaitu Agama Islam ini dilihat konsisten penayangannya kepada masyarakat menerusi episod penyiarannya di televisyen. Dalam pada itu, kebanyakan elemen berkaitan Agama Islam ini juga dipaparkan menerusi dialog perbualan ataupun secara lisan menerusi beberapa adegan dalam drama adaptasi ini. Menurut Suranto Aw (2018) komunikasi secara lisan ini boleh diertikan sebagai sebuah kemampuan dalam berucap (*speaking*), sehingga mampu untuk menyatakan perkara dan maklumat yang mahu disampaikan kepada audien dengan jelas dan berkesan.

Rajah 2: Puan Sri Khaltom memarahi Raikal kerana mengamalkan gaya hidup songsang



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)

Dalam drama ini, antara penggunaan dialog yang memaparkan elemen Islam adalah menerusi episod ke 4 di mana pada babak ini kedengaran jelas Puan Sri Khaltom yang juga merupakan nenda kepada Raikal sedang dalam keadaan marah apabila cucunya, Raikal dikatakan tidak menghormati dan melanggar ajaran Islam dengan mengamalkan gaya hidup songsang (menyukai kaum sejenis). Seperti yang sedia maklum, Islam merupakan sebuah agama yang sememangnya tidak membenarkan umatnya untuk menyukai sesama jantina dan menzalimi kaum sebegini. Menurut Noor Hafizah Haridi et al. (2016) Islam, secara jelas menolak perlakuan *lesbian, gay, bisexual, transgender* dan *questioning/queer* (LGBTQ).

Selain itu, walaupun Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum dan bangsa namun Agama Islam tetap merupakan tunjak utama dan agama rasmi kepada negara. Rentetan daripada itu, segala aktiviti berkaitan LGBTQ sememangnya diharamkan dan tidak dibenarkan sama sekali di negara ini. Hal ini seiring dengan pernyataan daripada Mohd Izzat Amsyar et al. (2018) iaitu LGBTQ ini jelas tidak diiktiraf oleh mana-mana perundangan Malaysia dan perhubungan seks luar tabi'e adalah tidak diterima sama sekali bahkan ianya merupakan suatu jenayah di bawah Kanun Keseksaan dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia.

Selain daripada itu, terdapat juga pemaparan isu berkaitan makanan halal dan haram dalam Islam turut dipaparkan. Menurut Alias Azhar dan Harlida Abdul Wahab (2017) halal dalam Islam merujuk kepada sesuatu yang bersifat harus hukumnya di sisi syara' bagi manusia makan, guna, bermuamalah dan sebagainya. Sehubungan itu, istilah halal juga diungkapkan dengan istilah-istilah lain dalam Al-Quran seperti *al Thoyyibat* yang baik (ali-Imran:179),

mubahish yang dibolehkan (al-Maidah:100), *jawaz* boleh (al-Nisa':2) dan *ihsan* baik (al-A'raf:157). Disebabkan itu, penyediaan dan pengambilan terhadap makanan halal merupakan satu perkara yang amat penting dalam kehidupan seseorang Muslim kerana ianya akan memberikan corak terhadap tingkah laku seseorang Muslim (Azarudin Awang et al. 2017).

Oleh itu, antara pemaparan berkaitan isu halal ini jelas ditonjolkan menerusi episod terakhir drama ini di mana ibu Dani iaitu Zahara bimbang dan menasihati Dani untuknya berhati-hati dalam pemilihan makanan semasa berada di luar negara. Hal ini kerana Dani telah ditawarkan untuk belajar di Itali bagi menjadi seorang barista kopi yang hebat. Di sini secara tidak langsung menunjukkan kepada masyarakat betapa pentingnya sebagai seorang muslim untuk mendapatkan makanan yang halal selain dapat mendidik masyarakat bahawa walau di mana kita berada, nilai keislaman itu tetap harus dijaga dan di pegang dengan sebaik mungkin.

Rajah 3: Pemberian salam ketika menjawab telefon



Rajah 4: Pemberian salam ketika masuk ke dalam rumah



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)


Seterusnya, penggunaan salam ketika menjawab telefon dan ketika masuk ke dalam rumah juga dilihat banyak dipaparkan di dalam drama ini. Antaranya ialah pada pada rajah ke 3 dalam episod ke 6. Kedengaran Raikal menjawab salam nendanya di talian dan bersetuju untuk bekerja di Kafe *Coffee Prince*. Manakalah pada rajah 4 di episod ke 16 pula jelas kedengaran Dani memberikan salam apabila masuk ke rumah setelah habis bekerja. Hal ini secara tidak langsung memaparkan sisi kehidupan Islam bagi kedua-dua watak tersebut walaupun mereka hidup dalam kondisi persekitaran dan gaya hidup yang berbeza. Justeru itu, ini menunjukkan bahawa dalam kehidupan serba moden kini ciri keislaman itu tetap wujud dan hadir dalam setiap penganutnya terutama di Malaysia.

Di samping itu, selain penggunaan salam yang selalu digunakan dalam drama ini, penggunaan frasa keagamaan seperti 'alhamdulillah' juga sering kali diguna pakai di dalam adegan drama ini. 'Alhamdulillah' (الْحَمْدُ لِلَّهِ) adalah merupakan frasa bahasa Arab yang bermaksud 'segala puji bagi Allah' dan frasa ini kebanyakannya digunakan semasa seseorang itu mendapat atau mendengar sesuatu perkara yang baik dalam kehidupan. Hal ini dapat dijelaskan dalam episod ke 26 di mana kedengaran nenda Raikal, Puan Sri Kalthom bersyukur dan mengucapkan Alhamdulillah apabila mengetahui perkara sebenar yang Amri dan juga Maryam sudah pun bernikah. Islam juga amat memandangi kepada pasangan yang berkahwin dan dalam institusi pembentukan keluarga kerana ianya dilihat sebagai sebuah perkara yang mulia dan mendapat ganjara pahala yang besar (Norsaadah Din et al. 2014).

Dalam pada itu, terdapat juga adegan di mana Raikal sedang memujuk Dani untuk tinggal serumah dengannya pada episod ke 23. Namun begitu, Dani menentang sekeras-kerasnya kerana di dalam Islam lelaki dan wanita tidak boleh bersekedudukan tanpa ikatan

yang sah. Islam merupakan sebuah agama yang suci dengan menjaga kemuliaan dan kehormatan wanita terutamanya dalam aspek pergaulan, perkahwinan dan aurat. Islam juga menetapkan panduan hidup yang mementingkan kesejahteraan masyarakat sebagai suatu amalan yang sihat dan dituntut (Nur 'Izzah Jainudin & A'dawiyah Ismail 2018). Disebabkan hal itu, berkesedudukan di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram dianggap satu kesalah besar kerana mampu menggalakkan gejala sosial untuk lebih berleluasa.

Rajah 5: Pemaparan Ibu Raikal sedang berdoa



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)

Seterusnya, drama adaptasi ini juga dengan konsistennya menunjukkan bahawa agama merupakan satu keperluan rohani manusia dan mampu membawa manusia ke arah kebaikan apabila kita sentiasa memperingati sang pencipta dan berdoa kepadanya. Hal ini dipaparkan menerusi adegan dalam episod ke 21 di mana ibu Raikal dipamerkan dengan jelas sedang berdoa dan berterima kasih kepada tuhan apabila status ayah kandung Raikal masih belum diketahui Raikal.

Menurut Maman Sutarman (2018) doa adalah merupakan permohonan kepada Allah S.W.T yang diselaputi dengan kerendahan hati untuk mendapatkan suatu kebaikan dan keredhaan daripadanya. Tambahnya doa dalam Islam juga mempunyai kedudukan yang amat penting dan sangat tinggi, sehingga mampu menjadikan manusia yang tidak mahu berdoa itu sebagai individu yang angkuh dan sombong kepada sang penciptanya.

Pemaparan Elemen Agama Islam Secara Visual

Menurut Osman et al. (2015) visual merujuk kepada satu bentuk komunikasi melalui penglihatan dengan menggunakan imej visual seperti gambar dengan tujuan untuk menyampaikan, mempengaruhi seterusnya memberi kesan emosi terhadap khalayak penerima. Oleh itu, selain daripada pemaparan berbentuk lisan terhadap Agama Islam di dalam drama ini, terdapat banyak juga pemaparan elemen Agama Islam secara visual ditonjolkan kepada masyarakat khususnya.

Rajah 6: Pemaparan adegan bersalaman



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)

Antara pemaparan visual terhadap elemen keislaman adalah jelas dipaparkan menerusi rajah 6 dalam episod ke 5 di mana kelihatan ayah Raikal amat menghormati ibunya dengan bersalaman sebelum pergi keluar bekerja. Tambahan, bersalaman juga merujuk kepada tanda hormat akan orang yang lebih berusia dan mempamerkan budi pekerti yang tinggi sebagai orang Islam.

Selain itu, menurut portal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2019 (<http://www.islam.gov.my>) di dalam ruangan koleksi hadith, antara akhlak yang mulia ialah amalan berjabat tangan dan bersalaman ketika berjumpa sesama Muslim. Berjabat tangan mempunyai fadhilat yang besar seperti dapat meredakan permusuhan dan kedengkian, memperteguhkan kasih sayang, mengeratkan tali silaturahmi sesama Muslim, mendapat rahmat daripada Allah S.W.T serta menggugurkan dosa sebagaimana gugurnya daun-daun kering di musim kemarau.

Rajah 7: Pemaparan wanita berhijab



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)

Seterusnya, Malaysia adalah salah satu negara yang majoriti memiliki penduduk Melayu beragama Islam dan menjadi antara negara yang aktif dalam transaksi produk mahupun konsumsi hijab, khususnya muslimah di Kuala Lumpur. Seiring dengan perkembangan zaman, wanita kini sangat teruja dengan pemakaian hijab yang pengayaan trendnya semakin moden dan kontemporari (Nurrul Asmar & Harozila 2017). Oleh itu, menurut Zulkifli dan Fatin (2013), hijab dari segi bahasa ialah benda yang menutup sesuatu dengannya. Hijab juga digelar sebagai tudung yang dipakai oleh wanita Islam bagi menyembunyikan rambut, leher dan ada yang mempunyai purdah bagi melitupi muka kecuali mata.

Justeru itu, di dalam drama ini sememangnya kelihatan adegan mahupun babak kepada wanita yang berhijab. Hijab mahupun tudung merupakan pakaian yang wajib dipakai oleh wanita muslim untuk tujuan menutupi auratnya. Hal ini dilihat selari dengan pernyataan daripada Rashidah Othman et al. (2016) iaitu memakai tudung dan menutup aurat merupakan kewajiban bagi wanita Islam. Rentetan itu, walaupun penonjolan kepada wanita berhijab ini sangat minimal dan hanya dipakai oleh pelakon sampingan dan ekstra sahaja namun pemaparannya tetap mencerminkan situasi sosial yang sebenar di Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Rajah 8: Majlis tahlil arwah di rumah Dani



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)


Di dalam episod ke 13, terdapat juga pemaparan kepada adegan majlis tahlil arwah. Menurut portal rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (<http://www.muftiwp.gov.my>) dalam ruangan artikel Al Kafi li Al-fatawi, amalan tahlil merupakan gabungan antara bacaan ayat dan surah daripada al-Quran, zikir kepada Allah S.W.T yang merangkumi tasbih, tahmid, takbir dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW serta memberi makan kepada orang ramai.

Selain itu, menurut Ros Aiza dan Che Zarrina (2015) secara umumnya, hukum bagi majlis tahlil arwah di Malaysia adalah harus. Di samping itu, tahlil arwah yang dilakukan oleh anak-anak si mati secara tidak langsung juga menunjukkan kesolehan anak tersebut terhadap ibu bapanya yang telah kembali kepada ilahi. Oleh itu, adegan majlis tahlil arwah yang dipaparkan melalui drama ini adalah amat tepat dan secara tidak langsung memaparkan kehidupan realiti sosial masyarakat Melayu Islam di Malaysia.

PERBINCANGAN

Apabila diteliti kepada kesemua 28 episod drama adaptasi Korea *My Coffee Prince* ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa pemaparan terhadap Agama Islam itu masih tetap utuh dan banyak sekali dipaparkan. Hal ini boleh disimpulkan kerana drama ini merupakan sebuah drama adaptasi yang ditayangkan di Malaysia. Seperti yang kita tahu, Islam merupakan agama rasmi kepada negara Malaysia dan majoriti penduduk di Malaysia merupakan orang Melayu Islam. Jadi, rentetan daripada hal ini menyebabkan terdapat banyak pemaparan berkaitan Islam kelihatan dengan tujuan untuk mencerminkan kehidupan sosial sebenar masyarakat di Malaysia.

Rajah 9: Jai Woo bercakap berkaitan hukum berpuasa, dosa dan pahala serta sifat nabi dalam Islam



Sumber: Drama *My Coffee Prince* (2017)

Selain daripada itu, pengkaji juga mendapati bahawa kesmua barisan pelakon yang digunakan dalam drama ini memegang watak sebagai orang Melayu Islam kecuali watak Jai Woo iaitu sebagai kawan baik Raikal yang merupakan seorang yang berbangsa Cina. Walaupun Jai Woo merupakan seorang yang bukan beragama Islam, namun ciri-ciri Islam masih tetap diterapkan dalam karakter Jai Woo ini. Antara contoh yang dapat dilihat dengan ketara adalah pada rajah 9 menerusi episod ke 9 di mana Jai Woo menyatakan bahawa dia sedang berpuasa ganti pada hari tersebut.

Seterusnya, menerusi episod ke 23 juga jelas kedengaran Jai Woo memberitahu kepada rakan sekerjanya yang lain bahawa kita sebagai manusia perlulah saling memaafi kerana nabi juga memberi ampun kepada umatnya. Di sini jelas sekali menunjukkan bahawa walaupun Jai Woo di paparkan sebagai seorang yang bukan Islam, namun dia tetap mengetahui perkara berkaitan ajaran Islam dengan betul dan tepat.

Justeru itu, di sini juga secara tidak langsung memaparkan kehidupan masyarakat Malaysia yang harmoni serta saling hormat menghormati antara satu sama lain walaupun berbeza dari sudut agama dan juga bangsa. Selain itu, menerusi adegan seperti ini juga membuktikan bahawa Islam ini bukanlah hanya boleh dimiliki oleh orang Melayu sahaja namun nilai dan sifat mulia Islam itu juga boleh dikongsi oleh semua bangsa dan masyarakat yang membawa kepada perpaduan kaum di negara ini.

Tambahan, menurut Abd Aziz A'zmi et al. (2017) perpaduan masyarakat boleh diertikan sebagai tiang kemakmuran dan kedamaian negara di samping menyumbang kepada keamanan dan kestabilan. Sekiranya kepelbagaian menjadi punca percanggahan dan pertelagahan, suasana damai yang diimpikan dilihat sukar untuk dikekalkan sekiranya setiap etnik bersifat etnosentrik dan lebih mementingkan diri sendiri. Disebabkan itu teks media dan mesej yang disampaikan melalui medium komunikasi seperti drama dan televisyen ini adalah salah satu cabang yang amat berkesan dalam mendidik masyarakat untuk kea rah yang lebih baik.

KESIMPULAN

Secara implisitnya, dapat dirumuskan bahawa sememangnya terdapat banyak nilai keislaman yang dipaparkan di dalam drama adaptasi Korea *My Coffee Prince* ini yang dapat dijadikan sebagai panduan dan pengajaran kepada masyarakat khususnya. Selain itu, drama adaptasi ini juga merupakan sebuah drama yang memperlihatkan unsur-unsur yang mempromosikan ajaran Agama Islam secara lisan dan visual dengan menggunakan naratif yang menyokong jalan

penceritaan drama ini secara menyeluruh. Antara elemen Islam dari sudut lisan yang dipaparkan menerusi drama adaptasi ini adalah seperti isu *LGBT*, isu makanan halal, pemberian salam, frasa keagamaan, berkesedudukan dan permohonan doa. Manakala elemen Islam yang ditonjolkan melalui visual kepada audien pula adalah seperti bersalaman, pemakaian hijab dan majlis tahlil arwah.

Selain itu, pengkaji juga turut merasakan bahawa ini adalah suatu pendekatan yang harus dicontohi oleh kebanyakan pembuat drama dan filem tanah air untuk memperbanyakkan lagi penggunaan elemen budaya dan agama masyarakat di Malaysia lebih-lebih lagi untuk tontonan generasi muda. Hal ini kerana, televisyen merupakan saluran utama serta mampu memperlihatkan suatu kebudayaan sebagai gambaran realiti sosial dari identiti sosial, gagasan, kepercayaan, dan juga nilai-nilai (McQuail 2005). Oleh itu, dengan adanya elemen dan nilai berkaitan Agama Islam yang dipaparkan dengan tepat mampu sedikit sebanyak membantu dalam proses perkembangan dan menjadi pegangan kepada kehidupan masyarakat.

Pegangan hidup serta agama ini amatlah diperlukan untuk meneruskan hidup yang penuh dengan pancaroba dan cabaran (Shamsul Kamarudin 2011). Hal ini kerana kehidupan beragama adalah sebuah kehidupan yang harmoni dan menenangkan selain mengajar manusia untuk menjalankan kehidupan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sahsiah.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral Dengan Media Massa: Tinjauan Ke Atas Remaja Melayu Luar Bandar. *SARI: Jurnal Alam & Tamadun Melayu*, 27, 199-212.
- Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim & Nurliana Suhaini. (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Malaysian Journal of Social Science*. Jilid 2 2017: 1-24.
- Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norhasni Zainal Abidin & Andi Suwirta. (2014). Hubungan Antara Penggunaan Internet Bermasalah Umum Dan Kesunyian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Kajian Pendidikan*. 4(2), 189-200.
- Alias bin Azhar & Harlida Abdul Wahab. (2017). Pentakrifan Halal Menurut Syara' Dan Perundangan Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*. Vol. 3: no. 5 (2017) page 17–27.
- Aw, Suranto. (2018). An Evaluation Of A Public Relations Program In Promoting Synergistic Cooperation Between Schools And Industries. *Journal Problems and Perspectives in Management*. 16 (4), 353-364.
- Azarudin Awang, Che Zuina Binti Ismail & Wahairi Mahmud. (2017). Isu-Isu Pemakanan Halal: Kajian Kes Dalam Hubungan Komuniti Saudara Baru Dan Bukan Muslim Di Negeri Terengganu. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. Vol. 11 (Oct) 2017: Pp 139-153.
- Dusuki Ahmad. (2011). Menerapkan Nilai Agama Dan Keprihatinan Umat Dalam Filem Dan Drama. Dalam Nor Hartini Saari (Ed.), *Pemeriksaan Televisyen dalam Mendidik Masyarakat* (hlm.69-80).
- Emily Draco. (2015). The Effect Of Technology On Face-To-Face Communication. *The Elon Journal of Undergraduate Research in Communications*, Vol. 6, No. 1, 2015.
- Faizul Nizar Anuar & Nor Azura Adzharuddin. (2013). Faktor Penerimaan Remaja Terhadap Drama Televisyen Bermesej Keislaman. *Global Media Journal Malaysian Edition*. Volume 3, Issue 1, 2013.
- Hassan. Abu Bakar., Jian, G., & Fairhurst, G. (2014). Where Do I Stand? The Interaction Of Leader–Member Exchange And Performance Ratings. *Asian Business & Management*, 13(2), 143–170.

- Ibrahim Kurt & Hakan Gok. (2015). Impact of Technology on the Perceptions of Culture Shock *Mevlana International Journal of Moral and Values Education (MIJMVE)*. ISSN: 2148-9076 Vol. 2(2), pp. 21-28, 31 October, 2015
- Julina Tajul Ariffin, Hassan Abu Bakar & Nor Hafezah Yusof. (2018). Culture in Korean Drama towards Influencing Malaysian Audiences. *International Journal of Innovative Research in Engineering & Management (IJIREM)* .Volume-5, Issue-1,2018.
- Joubish, Muhammad Farooq & Muhammad asyraf Khurram. (2011). Outlook On Some Concept In The Curriculum Of Social Studies. *World Apllied Science Journal*.
- Kloskowska. (1996). *Kultury Narodowe U Korzeni*. Warszawa.
- Laode Monto Bauto. (2014). Perspektif Agama Dan Kebudayaan Dalam Kehidupan Masyarakat Indonesia. *Jurnal Pendidikan Ilmu Sosial*. Volume 23, No. 2, Edisi Desember 2014.
- Liza Diniarizky Putri. (2017). Kekuatan Teknologi Dalam Membentuk Budaya Populer. *Jurnal Lontar* .Volume 4 Nomor 3 (September – Desember 2016).
- Maman Sutarman. (2018). Kedudukan Doa Dalam Islam. *Jurnal Ilmu Tarbiyah dan Ekonomi Syariah*. Volume 5, Nom 9.
- McQuail, D. (2005). *McQuail's Mass Communication Theory. 5th Edition*. Sage Publications Ltd., London.
- Md. Rozalafri Johori & Megat Al-Imran Yasina. (2014). Menyubur Fikrah Islam Penerbit Rancangan Televisyen Islamik: Suatu Sorotan Pandangan Dunia Dan Falsafah Universiti. *Conference of Management & Muamalah*. Auditorium, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Muhammad Syahlan Shafie, Hisham Hanapi & Fareed Mohd Hassan. (2018). Salah Laku Lgbt Dalam Perundangan Malaysia: Undang-Undang Sebagai Mekanisme Pembanterasan dan Kawalan. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*. Volume 13, Issue 1 (2018) 19-34.
- Mu Tian, Ping Deng, Ying Ying Zhang & Maria Paz Salmador. (2018). How Does Culture Influence Innovation? A Systematic Literature Review. *Management Decision, Emerald Publishing Limited 2018*.Vol. 56 Issue: 5, pp.1088-1107.
- Naquiah Nahar Sahrnunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, Abdul & Hafiz Abdullah. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan & Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. Vol. 5, No. 1. (2018) 87–99.
- Norsaadah Binti Din @ Mohamad Nasirudin, Nurzatil Ismah Binti Azizan, Nazneen Binti Ismail, & Ahmad Nazeer Bin Zainal Arifin. (2014). Membina Perkahwinan Berdaya Tahan Sepanjang Hayat Melalui Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah. *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam Kuis*. Bil 7, Isu 1:2014.
- Noor Hafizah Haridi Kamal Azmi Abd & Rahman Rosni Wazir. (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT). *Jurnal Pengajian Islam*. Bil 9, Isu li: 2016.
- Nur 'Izzah Jainudin & A'dawiyah Ismail. (2018). Faktor Pengetahuan Amalan Batas Aurat Dan Pergaulan Remaja Perempuan Smk Titingan Tawau Sabah. *Jurnal Hadhari*. Vol,10 (2) (2018) 141-158.
- Nurrul Asmar Binti Azhan & Harozila Ramli. (2017). Keindahan Hijab Sebagai Agama Dan Budaya. *Malaysian Journal of Creative Media, Design and Technology*. Vol. 1 No.1 2017.
- Osman, Zubaidah, Adzharuddin & Nor Azura. (2015). Pengaruh Visual Dan Verbal Dalam Iklan Kempen Terhadap Emosi. *Journal of Education and Social Sciences*. Vol 2. pp. 51-55.
- Pandyan, K. (2013). The Coming Of Age Of Indian Animation. *Journal of Asian Pacific Communication*, 3231(10), 66–85.
- Portal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2019). Koleksi Hadis. <http://www.islam.gov.my/e-hadith/1498-berjabat-tangan-bersalaman-mendapat-keampunan-allah-swt> [diakses pada 6 Ogos 2019].
- Rashidah Othman, Siti Norlina Muhamad, Farahwahida Mohd Yusof & Muhammad Amir Wan Harun. (2016). Fesyen Wanita Menurut Perspektif Islam dan Kesannya Terhadap Kesejahteraan Fizikal dan Spiritual. *Jurnal Sains Humanika*. 8: 3 (2016) 65–71.

- Ros Aiza Mohd Mokhtara & Che Zarrina Sa'arib. (2015). Peranan Institusi Masjid di Sipitang dalam Memurnikan Adat Tradisi Masyarakat Kedayan. *Jurnal Sains Humanika*. Bil 4:1 (2015), 67–74.
- Shamsul Kamarudin. (2011). Kepentingan Pendekatan Kepercayaan Dan Keyakinan Kepada Tuhan Melalui PTV. *Journal of Edupres*, Volume 1 September 2011, Pages 249-257.
- Siti Khatijah Yasin & Fadzli Adam. (2017). Sensitiviti Agama Dalam Hubungan Masyarakat Pelbagai Kaum Di Malaysia. *Proceeding Of International Conference On Empowering Islamic Civilization*. 7-8 Oktober 2017.
- Sun.S, Patrick Leeb & Rob Law. (2018). Impact of Cultural Values On Technology Acceptance And Technology Readiness. *International Journal of Hospitality Management*.
- Wan Ahmad Naqiuddin. (2019). Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <http://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3477-al-kafi-1288-hukum-memberi-sembangan-un-tuk-majlis-tahlil-arwah> [di akses pada 1 Ogos 2019].
- Wawarah Saidpudin. (2017). Televisyen Medium Dakwah: Peranan, Pengaruh Dan Cabaran. 4th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017).
- Zulkifli Abd. Latiff, & Fatin Nur Sofia Zainol Alam. (2013). The Roles of Media in Influencing Women Wearing Hijab: An Analysis, *Journal Of Image And Graphics*. Volume 1. No.1. March, 2013.

MAKLUMAT PENULIS

NAZRA ALIFF BIN NAZRI

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
nazraaliff@yahoo.com

PROF MADYA DR. ABDUL LATIFF AHMAD

Pensyarah Kanan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
alba@ukm.edu.my